

Penguasaan Kosa Kata Terhadap Penulisan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Khairiah: Kajian daripada Perspektif Guru

Vocabulary Mastery of Arabic Language Writing Among Khairiah Religion Secondary School Students: A Study from The Teacher's Perspective

Abdul Malik Aluwi¹ & Mohammad Taufiq Abdul Ghani²

^{1, 2} Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjung Malim, Perak, Malaysia;

Article progress

Received: 12 July 2023

Accepted: 11 September 2023

Published: 30 November 2023

*Corresponding author:
Mohammad Taufiq Abdul Ghani, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjung Malim, Perak, Malaysia;
Email: taufiq@fbk.upsi.edu.my

Abstrak: Pembelajaran bahasa Arab telah diperkenalkan sebagai bahasa asing yang dipelajari dari peringkat rendah sehingga peringkat universiti di Malaysia. Bahasa Arab mempunyai empat kemahiran utama iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Bagi menguasai keempat-empat kemahiran utama ini, pelajar perlu menguasai kosa kata kerana ia merupakan kunci utama dalam menguasai bahasa Arab. Oleh itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk meneroka tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Khairiah di negeri Terengganu dan kesannya terhadap kemahiran menulis. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Kaedah temubual separa berstruktur telah dijalankan bagi mengumpul data utama. Seramai 5 orang menyertai temubual separa berstruktur ini terdiri daripada guru bahasa Arab yang mengajar mata pelajaran Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Mu'asirah lebih dari lima tahun dan 20 pelajar di Sekolah Menengah Agama Khairiah, Terengganu. Peserta kajian dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan di mana semua peserta boleh memberi maklumat dengan mendalam dan mampu memberi komitmen sepanjang tempoh kajian dijalankan. Analisis tematik digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi melalui penggunaan perisian Atlas.ti. Secara keseluruhan hasil kajian mendapat bahawa pelajar mempunyai tahap kosa kata yang baik dan mempunyai minat yang tinggi terhadap bahasa Arab. Selain itu, kajian ini juga mendapat, penguasaan kosa kata memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kompetensi kemahiran menulis bahasa Arab. Kepelbagai pendekatan PdP juga membantu pelajar untuk menguasai kosa kata dan meningkatkan kreativiti dalam menulis bahasa Arab.

Kata kunci: Penguasaan kosakata, kosa kata, kemahiran menulis, bahasa Arab;

Abstract: Learning Arabic has been introduced as a foreign language taught from the lowest level to the university level in Malaysia. Arabic has four primary skills: listening, speaking, reading, and writing. In order to master these four essential skills, students need to master vocabulary, as it is the primary key to learning Arabic. Therefore, the main objective of this study is to explore the level of vocabulary mastery in Arabic writing among students of the Secondary School of Religion in the state of Terengganu and its impact on writing skills. This is a qualitative study. A semi-structured interview method has been implemented to gather critical data. A total of 5 participants participated in this semi-structured interview, consisting of Arabic language teachers who taught Arabic subjects for more

than five years and 20 students at Khairiah High School of Religion, Terengganu. Study participants are selected using a targeted sampling method in which all participants can provide in-depth information and make commitments throughout the study. Thematic analysis is used to analyse data obtained through the use of Atlas.ti software. Overall, the study's results found that students with a good vocabulary level had a high interest in Arabic. In addition, the study also found that mastery of vocabulary plays a vital role in mastering four language skills, especially writing skills.

Keywords: Vocabulary mastery, vocabulary, writing skills, Arabic language;

Pengenalan

Bahasa Arab telah menarik minat pelbagai negara di seluruh dunia untuk dipelajari pada peringkat yang berbeza, dan ia merupakan salah satu bahasa yang diperkenalkan di Malaysia sebagai bahasa asing dalam pelbagai peringkat pendidikan bermula dari pra sekolah hingga ke universiti. Sememangnya bahasa menjadi asas kepada kejayaan semua bidang pembelajaran malah berfungsi sebagai satu keperluan dalam perkembangan intelek, sosial dan emosi pelajar. Empat kemahiran pengajaran bahasa dititikberatkan untuk membantu pelajar meningkatkan kefasihan mereka dalam bahasa Arab. Daripada semua kemahiran, kemahiran menulis adalah yang paling diutamakan kerana ia merupakan kaedah penilaian yang utama di semua peringkat malahan kecemerlangan pelajar dalam peperiksaan turut ditentukan oleh aspek penulisan mereka. Dalam usaha untuk menguasai kemahiran menulis yang kompeten, penguasaan kosa kata memainkan peranan utama dalam menambah idea untuk mengembangkan lagi bentuk penulisan dan menjadi kunci dalam semua jenis bentuk penulisan sama ada penulisan ilmiah maupun penulisan kreatif.

Penekanan terhadap kosa kata perlu di ambil serius kerana ia memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar kompeten dalam semua aspek kemahiran berbahasa. Penguasaan kosa kata bahasa Arab merupakan kebolehan seseorang menggunakan kosa kata yang dimilikinya untuk berkomunikasi dan mengekspresikan idea dengan persekitarannya secara lisan dan tulisan, yang dicirikan oleh perkembangan kemahiran asas bahasa, iaitu verifikasi, menulis, bertutur dan membaca menggunakan bahasa Arab (Hasnurol, et al., 2020). Selain itu, kosa kata memainkan peranan yang penting dalam mempelajari semua bahasa, termasuk bahasa Arab. Ini kerana saiz kosa kata merupakan prasyarat dan penghubung yang mendasari penguasaan bahasa kedua seseorang. Malah kebolehan berbahasa juga berkait rapat dengan jumlah kosa kata yang dimiliki (Hasnurol, et al. 2020; Hasnurol, et al. 2021).

Menguasai kosa kata bermakna pelajar memahami makna perkataan, sumber pecahan dan terbitannya, dan cara membina dan menggunakan ayat yang lengkap (Ahmad Tu'aimah, 1989). Pengumpulan perkataan yang terdapat dalam ayat atau bahkan daripada ayat yang kerap digunakan boleh membantu menguasai kosa kata (Rosni, 2009). Bahasa yang baik tidak boleh dicapai jika seseorang hanya menghimpunkan perkataan tetapi tidak menggunakanannya secara lisan atau tulisan. Ahmad Tu'aimah (1989) mengatakan bahawa jika pelajar menguasai kosa kata yang mencukupi, mereka akan dapat mengenali perkataan dan menguasai ayat-ayat yang baik dan tersusun dengan betul. Pada akhirnya, mereka akan dapat menguasai bahasa Arab dengan baik. Langkah pertama dalam mempelajari bahasa asing ialah penguasaan kosa kata pelajar asing (Mahmud Kamil, 1985). Kosa kata ini membolehkan seseorang berfikir dan kemudian mengubah fikirannya menjadi ayat yang mempunyai makna yang diingini.

Oleh itu, penguasaan kosa kata bahasa Arab adalah komponen kemahiran berbahasa yang tidak boleh diabaikan semasa proses pembelajaran bahasa Arab (Zunita et al., 2016). Saiz kosa kata yang besar membolehkan pemahaman yang lebih baik tentang bidang lain dan berkomunikasi dengan lebih baik dalam bahasa Arab. Penguasaan kosa kata yang baik bukan sahaja penting untuk pendidikan, bahkan melibatkan pelbagai aspek termasuklah kebudayaan, dan hubungan antarabangsa. Oleh itu, pendekatan yang berstruktur dan terancang harus digunakan untuk memberi penekanan kepada pembangunan kosa kata pelajar dalam bahasa Arab.

Latar Belakang Kajian

Bahasa Arab telah menjadi bahasa pendidikan yang penting di Malaysia kerana penekanan yang kuat pada budaya dan keagamaan Islam. Pendidikan bahasa Arab di negara ini telah dipengaruhi oleh tradisi ini. Bahasa Arab bukan sahaja digunakan untuk mengajar agama Islam, tetapi juga digunakan dalam komunikasi

diplomatik dengan negara-negara Arab dan untuk mempelajari buku agama seperti Al-Quran dan hadis. Sekolah agama dan institusi agama telah menjadi tempat utama di Malaysia untuk mengajar bahasa Arab. Universiti peringkat tinggi juga menawarkan kursus dan program diploma hingga ijazah doctor falsafah bahasa Arab kepada pelajar yang berminat.

Seperti bahasa lain, empat aspek kemahiran menjadi fokus utama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di semua peringkat iaitu kemahiran menulis, mendengar, bertutur dan membaca. Keempat-empat kemahiran berbahasa ini menjadi pengukur kepada kebolehan pelajar menguasai bahasa Arab. Malah, antara empat kemahiran tersebut, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang masih penting dalam kalangan pelajar. Masalah penguasaan bahasa Arab khususnya dalam aspek pembinaan ayat tidak terhad kepada pelajar sekolah sahaja, malah masalah ini berterusan di peringkat institusi pengajian tinggi (Sulaiman et al., 2018; Hasnurol, et al., 2020).

Kemahiran menulis dipengaruhi oleh masalah penguasaan kosa kata dalam bahasa Arab. Penulisan yang tidak kreatif, kelancaran penulisan yang lemah, dan pengulangan perkataan yang kerap boleh disebabkan oleh kekurangan kosa kata (Nur Naimah Akmar & Harun, 2017). Pelajar yang mempunyai masalah dengan penguasaan kosa kata sering mencipta teks yang tidak lengkap dan tidak berkualiti. Selain itu, penggunaan istilah khusus dengan betul adalah penting untuk penulisan akademik, dan pelajar yang tidak mempunyai kosa kata yang mencukupi akan menghadapi masalah untuk menggunakan istilah dengan betul (Sulaiman et al., 2018; Hasnurol, et al., 2020). Pelbagai kaedah telah diketengahkan untuk meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar. Menurut Harun dan Zawawi (2014), mereka menyatakan bahawa kebolehan seseorang individu untuk menguasai sesuatu bahasa bergantung kepada keupayaannya untuk menguasai kosa kata dalam bahasa tersebut. Perbendaharaan kata telah memainkan peranan yang sangat penting dalam menguasai kemahiran berbahasa terutamanya dalam kemahiran menulis.

Antara jalan penyelesaian bagi isu penguasaan kosa kata ialah melalui aktiviti membaca yang berterusan, latihan menulis yang sistematik, dan penggunaan sumber pembelajaran yang sesuai (Rosni, 2009; Zunita et al., 2016; Janudin, 2017). Pelajar mendapat manfaat daripada aktiviti membaca yang berterusan dan latihan menulis yang berterusan kerana ia membolehkan mereka menggunakan kosa kata yang telah dipelajari dalam situasi penulisan sebenar. Pelajar juga boleh memperkaya kosa kata mereka dengan menggunakan aplikasi bahasa Arab yang tersedia di internet, kamus, tesaurus, dan sebagainya sebagai bantu belajar

untuk menambahkan kosa kata seterusnya meningkatkan keupayaan kemahiran menulis.

Walaupun pelbagai bantu belajar mudah didapati di pasaran, peranan yang dimainkan oleh guru juga tidak boleh diabaikan dalam usaha ini. Meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab memerlukan penglibatan guru sepenuhnya sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (Rosni, 2009; Janudin, 2017). Dalam usaha membantu pelajar mengatasi kelemahan mereka dalam penguasaan kosa kata dan kemahiran menulis, guru boleh memberi mereka dorongan, bimbingan dan latihan khusus. Pelajar akan dapat meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab mereka dengan berkesan dengan sokongan yang berterusan daripada guru dan pendekatan yang holistik.

Berdasarkan isu yang telah dibincangkan, kajian ini dijalankan bagi meneroka tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar dan kesannya terhadap kemahiran menulis. Kajian ini menetapkan objektif utama iaitu mengenal pasti tahap pelajar mengingati kosa kata bahasa Arab, menegenal pasti tahap kemahiran menulis pelajar dan menentukan minat pelajar terhadap bahasa Arab. Kajian ini penting untuk dijalankan bagi meneroka isu-isu yang memberi kesan kepada penguasaan kosa kata kerana ia merupakan kunci utama dalam menentukan kompetensi pelajar terutama dalam kemahiran menulis. Hal ini kerana, kemahiran menulis merupakan salah satu aspek yang dinilai dalam menetukan tahap kecemerlangan pelajar (Janudin, 2017).

Sorotan Literatur

Penguasaan kosa kata adalah komponen penting dalam pembelajaran bahasa dan kemahiran berbahasa. Kesan kekurangan penguasaan kosa kata memberi impak terhadap kompetensi seseorang seperti kemahiran menulis. Beberapa kajian yang relevan dalam bidang ini akan dibincangkan secara tuntas, dan akan memberikan gambaran tentang bagaimana masalah penguasaan kosa kata bahasa Arab boleh memberi kesan kepada kemahiran menulis pelajar. Memahami hubungan antara kosa kata dan kemahiran menulis membolehkan pengkaji menentukan halangan yang dihadapi oleh pelajar dalam meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab.

Tahap Penguasaan Kosa Kata Pelajar

Melalui kajian lepas dapat dilihat ramai pengkaji bersetuju bahawa penguasaan kosa kata memainkan peranan penting dalam penguasaan kemahiran berbahasa. Menurut Nisa et al., (2020), prinsip asas dalam pembelajaran bahasa Arab ialah kebolehan memahami kosa kata bahasa Arab. Hal ini kerana penguasaan kosa kata bahasa Arab berkait rapat dengan

penguasaan kemahiran berbahasa. Tanpa penguasaan kosa kata yang baik, murid sukar untuk menguasai kemahiran berbahasa dengan baik. Sebaliknya, penguasaan kosa kata yang baik akan membantu pelajar menguasai empat kemahiran bahasa seterusnya dapat memahami ilmu-ilmu linguistik dan teks sastera Arab. Kajian ini menggunakan kajian kualitatif dan memfokuskan guru dan pelajar sekolah sebagai sampel kajian. Kajian ini memfokuskan kepada teknik nyanyian dalam meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Hasil dapatan menunjukkan bahawa, Teknik nyanyian mampu meningkatkan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Walaubagaimanapun, teknik ini memerlukan satu bentuk pendekatan pedagogi khas bagi memastikan pelajar dapat meningkatkan saiz kosa kata dalam sesi pembelajaran yang menarik dan bermakna.

Selain itu, menurut Fu'adah (2021), penguasaan kosa kata dan perbendaharaan kata yang sesuai boleh menyokong seseorang itu dalam komunikasi lisan dan menulis dalam bahasa Arab. Majoriti teknik yang digunakan oleh guru dalam pembelajaran kosa kata adalah dengan cara menghafal dan teknik ini masih digunakan sehingga kini. Jika terdapat berpuluhan-puluhan kosa kata baharu dalam setiap kelas baharu dan pelajar mesti menghafalnya, ini tidak mengecualikan kemungkinan kosa kata yang dihafal sebelum ini akan hilang atau dilupakan. Hal ini memberi kesan yang negatif dan tanggapan buruk terhadap mata pelajaran bahasa Arab. Pendekatan yang membosankan ini menyebabkan pelajar hanya menghafal tetapi tidak mampu untuk mengaplikasi kosa kata dalam kemahiran berbahasa. Selain itu, bentuk pendekatan yang membosankan seperti mencatat dalam buku nota kecil dan merujuk kembali jika perlu ini juga tidak membantu meningkatkan saiz kosa kata pelajar.

Penguasaan kosa kata yang rendah di peringkat sekolah boleh menjelaskan penguasaan kosa kata di peringkat yang lebih tinggi. Hal ini kerana menurut Razak dan Samah (2018), penguasaan kosa kata di peringkat sarjana muda amat penting kerana pada peringkat inilah pelajar mula memasuki peringkat pengajian khusus dalam sesuatu bidang. Penekanan harus diberikan kepada penguasaan kosa kata tertentu dalam bidang yang dipelajari. Proses ini seharusnya meningkatkan jumlah kosa kata yang dikuasai supaya pelajar dapat meneruskan pelajaran dengan lancar dan berkesan. Kekurangan kosa kata akan membantutkan proses pembelajaran ilmu bahasa Arab yang lebih mendalam.

Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis Bahasa Arab

Kemahiran menulis amat penting dalam kehidupan pelajar terutamanya pada peringkat awal pengajian kerana pelajar perlu melontar idea dan pendapat dalam bentuk penulisan sama ada penulisan ilmiah maupun penulisan kreatif (Mokhtar et al., 2020). Pelajar perlu menulis idea yang jelas dan mempunyai korelasi bagi setiap idea yang dilontarkan dengan menggunakan laras bahasa dengan tepat dan betul supaya pandangan mereka dapat difahami dan apa yang ada dalam fikiran penulis dapat disampaikan dengan jelas kepada pembaca. Oleh itu, adalah penting untuk pelajar menyedari bahawa dalam aktiviti menulis, khususnya penulisan bahasa Arab, perlu bebas daripada melakukan kesalahan sintaksis dan morfologi, serta perlu memilih perkataan yang betul supaya idea yang disampaikan dapat memberi gambaran kepada pembaca. Pemilihan perkataan juga dan penanda wacana juga memainkan peranan yang penting dalam aktiviti penulisan.

Menurut Sulaiman et al., (2018), terdapat pelbagai jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam aktiviti menulis bahasa Arab, termasuk masalah penyusunan ayat, pemilihan istilah yang betul, dan proses penyuntingan mengikut peraturan sintaksis dan morfologi bahasa Arab. Kajian lepas ini membincangkan topik masalah kemahiran menulis dalam bahasa Arab yang dihadapi oleh pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan walaupun pelajar sudah menerima pendidikan bahasa Arab dari sekolah rendah, masalah pemerolehan bahasa asing iaitu bahasa Arab masih lagi membelengu pelajar sehingga di peringkat tinggi.

Menurut Mahmood dan Zailani (2017), isu penguasaan kemahiran menulis dalam bahasa kedua mahupun bahasa asing merupakan satu yang memerlukan perhatian kerana kemahiran menulis merupakan kemahiran kompleks yang melibatkan penggabungan kemahiran yang berbeza. Sukar untuk dikuasai jika dibandingkan dengan kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan kemahiran membaca. Hal ini kerana kemahiran menulis menitikberatkan pemilihan kosa kata, mempraktis semua aspek sintaksis dan morfologi, format penulisan, penyusunan idea serta korelasi bagi setiap idea yang diketengahkan. Oleh itu, bagi memastikan pelajar dapat menguasai kemahiran menulis bahasa Arab dengan baik, mereka perlulah menguasai kemahiran berbahasa yang lain kerana ia membantu pelajar meningkatkan kompetensi kemahiran menulis.

Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Arab

Menurut Sjahrony et al., (2017), motivasi memainkan peranan yang penting terutama semasa proses pembelajaran. Masalah pembelajaran seperti tidak mempunyai semangat yang tinggi, mudah putus asa menghadapi cabaran pembelajaran, dan belajar hanya untuk mendapatkan segulung ijazah dan lulus peperiksaan (Janudin 2017) tanpa memikirkan kecemerlangan menjadi penghalang utama untuk meningkatkan kompetensi berbahasa pelajar. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana wujudnya aspek motivasi dalaman dan luaran dalam kalangan pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab dan sejauh manakah hubungannya dengan tahap pencapaian pelajar. Hasil daptan menunjukkan, motivasi merupakan salah satu kunci dalam menentukan kejayaan pelajar dalam menguasai kemahiran berbahasa bahasa Arab.

Selain itu, menurut Hanifal Fauzi et al., (2019), motivasi dan minat bertindak sebagai pemacu usaha dan pencapaian prestasi khususnya dalam aspek pendidikan bahasa Arab. Seseorang yang melakukan sesuatu kerana motivasi yang baik dan minat yang tinggi untuk belajar akan menunjukkan hasil yang baik. Kedua-dua elemen ini sangat penting dalam menentukan kejayaan pelajar dalam menguasai kemahiran berbahasa. Elemen minat dan motivasi ini juga mendorong pelajar untuk mencari alternatif lain untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab dengan mencari sumber-sumber rujukan luar (Rosni, 2009). Tanpa minat dan motivasi yang tinggi, pelajar tidak akan memandang serius terhadap tahap penguasaan mereka dalam mata pelajar bahasa Arab. Oleh itu, guru memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi dan minat pelajar terhadap bahasa Arab dengan mempamerkan bentuk pedagogi terkini yang mengandung pembelajaran abad ke-21, memasukkan elemen-elemen multimedia dan teknologi, mengetengahkan proses pembelajaran berpusatkan pelajar dan lain-lain.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Hasil daptan dikumpul melalui proses temu bual separa berstruktur. Proses ini membolehkan pengkaji memberikan soalan tambahan kepada peserta yang berkaitan untuk mendapatkan data yang lebih banyak, sehingga mencapai ketumpatan data. Guru bahasa Arab dan pelajar di Sekolah Menengah Agama Khairiah di Terengganu merupakan responden utama dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan untuk memilih responden. Teknik ini digunakan kerana pengkaji telah menentukan ciri-ciri responden yang

diperlukan, dan responden boleh memberi maklumat dan data yang diperlukan. Oleh itu, temu bual separa berstruktur telah dijalankan dengan 20 pelajar dari Sekolah Menengah Agama Khairiah dan lima orang guru mata pelajaran Al-Lughah Al-'Arabiyyah Al-Mu'asirah. Ciri-ciri responden adalah seperti berikut:

1. Guru bahasa Arab dengan pengalaman lebih daripada lima tahun mengajar Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah.
2. Guru bahasa Arab yang memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan atau setanding.
3. Pelajar Sekolah Menengah Agama Khairiah.
4. Peserta mampu untuk memberikan komitmen sehingga proses pengumpulan data selesai.
5. Peserta tidak mempunyai sebarang "minat khusus" terhadap pemegang taruh.

Kajian ini menggunakan protokol temu bual separa struktur. Terdapat tiga soalan asas, dan soalan akan berkembang mengikut jawapan responden. Soalan asas protokol adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap mengingati kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar?
2. Sejauhmanakah tahap penulisan bahasa Arab dalam kalangan pelajar?
3. Sejauhmanakah minat pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab?

Teknik kumpulan berfokus (focus group) digunakan untuk menjalankan temu bual separa struktur, yang mengambil masa antara 40 hingga 60 minit. Perisian Atlas.ti akan digunakan untuk menganalisis hasil kajian kualitatif secara diskriptif dan tematik .

Dapatan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui tahap penguasaan kosa kata dalam penulisan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Khairiah, Terengganu. Hasil analisis dilaporkan dalam tiga kategori utama iaitu tahap penguasaan kosa kata pelajar, tahap kompetensi kemahiran menulis pelajar dan tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab. Butiran terperinci adalah seperti berikut.

Bahagian A: Tahap Penguasaan Kosa Kata Pelajar

Soalan ini diajukan kepada guru di Sekolah Menengah Agama Khairiah Terengganu. Analisis tematik telah dijalankan ke atas dapatan temu bual. Hasil daptan adalah seperti berikut.

Jadual 1. Tahap Penguasaan Kosa Kata Pelajar

Saiz kosa kata	<ul style="list-style-type: none"> • Menguasai kebanyakannya kosa kata yang diajar
Kaedah pelajar menghafal kosakata bahasa arab	<ul style="list-style-type: none"> • Teknik latih tubi • Teknik terjemahan • Teknik rujukan • Teknik pengulangan
Persekitaran yang membantu pelajar mengingati kosakata bahasa arab	<ul style="list-style-type: none"> • Masa • Kondusif
Tahap kesukaran bahasa arab bagi pelajar	<ul style="list-style-type: none"> • Sederhana
Kaedah guru membantu pelajar mengingati kosakata	<ul style="list-style-type: none"> • Kaedah nyanyian • Kaedah latih tubi • Kaedah penyoalan • Kaedah permainan • Kaedah syarahan

Jadual 1 menunjukkan tahap pelajar mengingati kosa kata bahasa arab dan teknik yang digunakan oleh pelajar dalam menguasai kosa kata. Kajian menunjukkan bahawa 4 teknik telah digunakan pelajar untuk mengingati kosa kata bahasa Arab. Teknik-teknik ini dapat membantu mereka mengingati kosa kata bahasa Arab dengan lebih mudah dan cepat. Selain itu persekitaran yang kondusif dan masa yang sesuai juga memainkan peranan dalam membantu pelajar. Hal ini kerana persekitaran yang tenang daripada gangguan dan masa yang efektif untuk menguasai seperti diwaktu pagi memudahkan pelajar untuk mudah menguasai kosa kata dan penggunaanya di dalam ayat seterusnya semasa aktiviti kemahiran menulis bahasa Arab. Tambahan, mata pelajaran bahasa Arab dari sudut pandang pelajar tidak terlalu mudah dan tidak juga terlalu sukar untuk difahami dan dikuasai. Disamping itu, guru turut menggunakan pelbagai kaedah bagi menarik minat pelajar serta membantu mereka.

Bahagian B: Tahap Kompetensi Kemahiran Menulis

Huraian dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian kedua dibuat berdasarkan dapatan daripada data primer dan disokong oleh data sekunder. Dapatkan adalah seperti berikut.

Jadual 2. Kaedah pengajaran maharat kitabah bahasa arab yang diajar guru

Soalan 1: Apakah kaedah pengajaran kemahiran menulis bahasa Arab yang diajar guru?

Guru 1	Penekanan kepada pembentukan <i>jumlah ismiyyah</i> dan <i>jumlah fe'eliyyah</i> .
Guru 2	Guru memberi teks kepada pelajar dalam masa beberapa minit kemudian pelajar akan mendengar sebutan setiap perkataan yang akan disebut oleh guru dan menulisnya dengan sempurna
Guru 3	Menggunakan kaedah PAK-21 yang berpusatkan pelajar misalnya <i>gallery walk mix and match</i> dan lain-lain.
Guru 4	Elemen gabung jalin ilmu kurikulum yang lain Melalui elemen ini pelajar dapat menguasai teknik penulisan yang lebih baik dengan tema yang lebih meluas.
Guru 5	Penggunaan kaedah berteraskan sintaksis bagi teknik pembinaan struktur ayat, kaedah <i>kitabiyyah</i> dan <i>imlaiyyah</i> bagi penulisan dan ejaan yang betul.

Berdasarkan jadual 2, hasil dapatan menunjukkan majoriti guru menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dalam kemahiran menulis malahan setiap guru mempunyai cara pendekatan tersendiri dalam kaedah mengajar kemahiran menulis. Setiap pendekatan memberi impak yang berbeza. Oleh itu, guru menggunakan pelbagai pendekatan bagi memastikan pelajar dapat menguasai kosa kata dan dapat meningkatkan kompetensi kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Jadual 3. Penghasilan Karangan Bahasa Arab

Soalan 2: Bagaimanakah kebiasaan pelajar menghasilkan karangan bahasa arab?

Guru 1	Latihan semasa proses PdP melalui teknik menyenaraikan isi-isi penting, dan pelajar perlu kembangkan kepada definisi umum, khusus, huraihan, dalil dan contoh. Bagi pelajar yang mempunya tahap kompetensi yang rendah, kebiasaannya mereka akan menghafal karangan.
Guru 2	Kebanyakan pelajar dapat menghasilkan karangan yang baik apabila pelajar rajin membaca cerita-cerita dalam bahasa Arab.

- Guru 3 Pelajar tidak dapat menulis karangan bahasa Arab dengan baik, menulis pendahuluan juga mengambil masa yang agak lama kerana kekurangan kosa kata.
- Guru 4 Pelajar menghafal karangan-karangan “ajaib” di mana karangan ini berbentuk umum yang sesuai dengan kebanyakan situasi hanya perlu mengubah beberapa struktur ayat atau perkataan sahaja, seterusnya mengaplikasikan berdasarkan tajuk karangan yang sesuai.
- Guru 5 Tahap penghasilan karangan dalam kalangan pelajar berada pada tahap yang baik selepas diajar menulis karangan berturut turut. Teknik pengulangan perlu di praktiskan.

Hasil kajian menggambarkan pandangan guru terhadap kebiasaan pelajar dapat menghasilkan karangan bahasa Arab dan setiap guru mempunyai pandangan yang berbeza. Dapat disimpulkan dari pandangan guru bahawa kebiasaan pelajar dapat menghasilkan karangan bahasa Arab adalah melalui latihan, pembacaan dan hafalan.

Jadual 4. Jenis Kesalahan *Nahu* Dan *Sarf* Yang Dikenalpasti Guru Dalam Penulisan Pelajar

Soalan 3: Apakah jenis kesalahan *nahu* dan *sarf* yang guru dapat kenal pasti dalam penulisan pelajar?

- Guru 1 Kesalahan *imlaiyyah*, penggunaan *tasrif* kata kerja tidak mengikut jantina dan jenis kata kerja, kesilapan penggunaan jumlah *ismiyyah* dan *fe'eliyyah*, serta kesalahan dalam penggunaan *masdar*.
- Guru 2 Penggunaan kata ganti nama yang sering kali berlaku pertukaran mengikut jantina dan jenis iaitu *ghaib* dan *mutakallim*.
- Guru 3 Penggunaan kata nama dan kata kerja mengikut kesesuaian ayat.
- Guru 4 Jenis kesalahan, antaranya *sifat mausuf*, *mudof mudof ilaih*, penggunaan *masdar* dan lain-lain.
- Guru 5 Pembinaan kata kerja, *sifat mausuf*, *mudhof mudhof ilaih*

Berdasarkan jadual 4, majoriti kesalahan pelajar dalam penulisan bahasa Arab adalah dalam penggunaan ayat namaan (*al-jumlah al-ismiyyah*) dan ayat kerjaan (*al-jumlah al-fe'eliyyah*) yang tidak bersesuaian dengan struktur ayat dan jantina. Selain itu terdapat juga kekeliruan penggunaan antara *sifat mausuf* dan *mudhof*

mudhof ilaih. Tambahan, pelajar jugak tidak dapat menghasilkan ayat yang tepat apabila terdapat penggunaan *kata masdar* di dalamnya.

Jadual 5. Reaksi Pelajar Terhadap Aktiviti Kemahiran Menulis

Soalan 4: Apakah reaksi pelajar terhadap aktiviti kemahiran menulis?

- Guru 1 Bagi ayat yang pendek, inshaaAllah kebanyakan pelajar boleh membuatnya. Cuma untuk menghasilkan satu karangan pelajar masih di tahap sederhana dan rendah kerana kurang berkeyakinan dan mereka cenderung menggunakan ayat/karangan yg telah mereka hafal .
- Guru 2 Pelajar kurang cakna pada perkataan yang sedia ada. Jadi pelajar berasa sukar untuk menghasilkan satu-satu karangan
- Guru 3 Reaksi pelajar terhadap kemahiran menulis masih kurang sambutan dan penglibatan dalam aktiviti kerana mereka lebih suka PdP kemahiran membaca berbanding PdP kemahiran menulis.
- Guru 4 Terdapat segelintir pelajar yang suka dengan aktiviti dalam PdP kemahiran menulis. Bagaimana saya mengetahui mereka menyukai aktiviti ini adalah dengan melihat mereka gembira membuat aktiviti yang berkaitan seperti *gallery walk*. Tetapi, ada juga segelintir pelajar yang tidak bermotivasi dan tidak ada penglibatan yang serius dalam aktiviti kemahiran menulis ini.
- Guru 5 Pelajar berasa seronok apabila aktiviti dalam PdP kemahiran menulis ini dipelbagaikan dalam setiap sesi. Tidak menggunakan pendekatan yang sama. Aktiviti perlu lebih kreatif agar pelajar berasa minat untuk melibatkan diri dalam aktiviti sepanjang tempoh PdP berjalan.

Jadual 5 menunjukkan hasil dapatan berkaitan reaksi pelajar terhadap aktiviti kemahiran menuis berdasarkan pemerhatian guru. Melalui jawapan guru dapat dilihat bahawa segelintir pelajar berminat dengan aktiviti PdP kemahiran menulis apabila pelbagai jenis aktiviti dijalankan semasa proses PdP berjalan. Pelajar lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam sesi pdP yang aktif dan berpusatkan pelajar. Elemen kreativiti yang diselitkan oleh guru dalam setiap sesi PdP menjadikan proses PdP lebih menarik dan pelajar melibatkan diri secara aktif. Hasilnya pelajar dapat menulis ayat-ayat ringkas dengan betul Walaubagaimanapun, bagi menghasilkan sesebuah karangan pelajar perlu fokus dalam menguasai kosa kata dan penghasilan struktur ayat.

Bahagian C: Minat Pelajar Terhadap Bahasa Arab

Huraian dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian ketiga dibuat berdasarkan dapatan daripada data primer dan disokong oleh data sekunder. Soalan ini diajukan kepada 20 orang pelajar. Teknik pengumpulan data menggunakan teknik kumpulan berfokus. Dapatkan adalah seperti berikut.

Jadual 6. Minat Pelajar Terhadap Bahasa Arab

Penggunaan teknik pengajaran guru dalam kelas yang menarik minat pelajar	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti nyanyian • Kepelbagaian aktiviti • Aktiviti menarik • Aktiviti mudah difahami
Pandangan pelajar terhadap kepentingan bahasa Arab	<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa syurga dan al-Quran • Bagi melanjutkan pelajaran ke luar negara • Mudah untuk difahami • Menarik dengan aktiviti yang dijalankan
Kecenderungan pelajar terhadap bahasa Arab	<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa yang indah dan unik • Keinginan mendalami bahasa Arab • Keinginan menguasai pelbagai bahasa
Faktor utama pelajar meminati bahasa Arab	<ul style="list-style-type: none"> • Keseronokan berbahasa Arab • Suasana PdP yang

menarik	
• Kepelbagaian pendekatan guru	
• Aktiviti yang menarik semasa PdP	
• Guru memberi sokongan untuk menguasai bahasa Arab	
Pandangan kesukaran bahasa Arab bagi pelajar	<ul style="list-style-type: none"> • Sukar kerana banyak tatabahasa • Sukar kerana perlukan kefahaman • Kurang kosa kata • Sukar untuk membentuk ayat yang betul
Kaedah pelajar mempelajari bahasa arab diluar sekolah	<ul style="list-style-type: none"> • Melalui rujukan buku • Melalui sosial media

Jadual 6 menunjukkan minat pelajar terhadap bahasa Arab. Hasil dapatan menunjukkan kepelbagaian pendekatan pengajaran guru telah menarik minat pelajar dalam mempelajari bahasa Arab. Malah pelajar berpendapat bahawa bahasa Arab penting kerana ia merupakan salah satu bahasa pengantar apabila menyambung pengajaran ke negara Timur Tengah. Disamping itu, pelajar meminati bahasa Arab juga kerana bahasa yang unik dan pendekatan guru yang menarik meningkatkan keinginan pelajar untuk mendalami bahasa Arab. Malahan menjadi salah satu faktor utama pelajar meminati bahasa Arab kerana keseronokan aktiviti PdP dan suasana pembelajaran yang kondusif. Walaubagaimanapun, pelajar bependapat bahasa Arab sukar kerana perlukan kefahaman dan banyak tatabahasa yang perlu dipelajari. Selain itu, media sosial seperti Instagram, Facebook dan Tiktok juga menjadi salah satu sumber rujukan pelajar dalam meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab disamping menambah minat mereka terhadap bahasa Arab. Kandungan-kandungan di media sosial perlulah menarik dan sesuai dengan pengguna supaya dapat memenuhi keperluan pelajar untuk mempelajari bahasa Arab di luar bilik darjah seperti media sosial.

Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dan kesannya terhadap kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar di SMA Khairiah, Terengganu.

Berdasarkan hasil dapatkan yang telah dianalisis secara tematik, menunjukkan bahawa penguasaan kosa kata Arab adalah penting untuk kemahiran menulis pelajar. Kemahiran menulis boleh dipertingkatkan dengan pelbagai cara dengan menguasai kosa kata, kepelbagaiannya teknik PdP yang berpusatkan pelajar dan menarik serta menanam minat yang mendalam terhadap mata pelajaran bahasa Arab. Elemen-elemen ini dapat meningkatkan keupayaan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar serta meningkatkan kreativiti dalam aktiviti penulisan sama ada penulisan kreatif atau ilmiah. Oleh itu, aktiviti PdP bahasa Arab harus menumpukan pada pembangunan kosa kata yang berterusan melalui aktiviti yang menarik dan berpusatkan pelajar, latihan menulis yang sistematik, dan penggunaan sumber yang sesuai. Dalam usaha mendapatkan pemahaman yang lebih komprehensif tentang hubungan antara kemahiran menulis bahasa Arab dan penguasaan kosa kata, penyelidikan lanjut perlu dilakukan dalam konteks yang lebih pelbagai dan dengan pendekatan yang lebih holistik.

Rujukan

- Ahmad Tu'aimah, R. (1989). *Ta'lîm Al-'Arabiyyah Li Ghair Al-Natiqin Biha Manahijuhu Wa Asalibuhu*. Manshurat al-Munazzamah al-Islamiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-'Ulum wa al-Thaqafah-ISISCO.
- Fu'adah, S. (2021). Penggunaan Strategi Mind Mapping Dalam Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab. *Lahjah arabiyah: jurnal bahasa arab dan pendidikan bahasa arab*, 2(1), 30-39.
- Hanifal Fauzi, A. H., Zainal Abidin, A., & Muhyani, M. (2019). Strategi motivasi belajar dan minat belajar dengan hasil belajar Bahasa Arab. *Tawazun: Jurnal Pendidikan Islam*, 12(1), 112-127.
- Hasnurol, H., Kaseh, A. B., & Maheram, A. (2020). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Menerusi Pengetahuan Makna dan Penggunaanya. *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 21, 160-174.
- Hasnurol, H., Ab Halim, M., Kaseh, A. B., Maheram, A., & Syaidatun Nazirah, A. Z. (2021). Penguasaan Penerapan Kosa KataNilai Dalam Pembelajaran Bahasa Arab jQAF Sekolah Rendah. *eBangi: Journal of Human Sciences and Humanities*, 18(10), 127-142.
- Harun Baharudin & Zawawi Ismail. (2014). Vocabulary learning strategies and arabic vocabulary size among pre-university students in Malaysia. *International Education Studies*, 7(13), 219-226.
- Janudin, S. (2017). Learning Arabic Language via Interactive Mobile Application. *International Carnival on e-Learning* (pp. 361-363). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mahmood, M. U., & Zailaini, M. A. (2017). Kemahiran menulis jumlah Bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah menengah. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 5(1), 20-27.
- Mahmud, K. (1985). *Ta'lîm al-Lughoh al-Arabiyyah li an-Nathiqina bi Lughotin Ukhro*. *Jamiah Ummul Qura*.
- Mokhtar, W. R. W., Rahman, M. Z. A., Adnan, M. A. M., & Salleh, N. H. M. (2020). Implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis dalam kalangan pelajar asasi universiti awam Malaysia. *ALBASIRAH JOURNAL*, 10(1), 53-68.
- Nisa, I. K., Rahmi, N., & Fajri, W. (2020). Penerapan metode bernyanyi dalam meningkatkan penguasaan kosa kata Bahasa Arab di MTS Ma'arif NU 07 Purbolinggo. *Arabia*, 12(2), 43.
- Nur Naimah Akmar Kamaruddin & Harun Baharudin. (2017). Strategi Pembelajaran Kosa Kata dan Penguasaan Pengetahuan Kosa Kata Arab dalam Kalangan Pelajar STAM. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 64-73
- Razak, Z. R. A., & Samah, R. (2018). Saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar di peringkat pengajian tinggi: Permasalahan dan strategi pengajaran. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 61-70.
- Rosni, S. (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sulaiman, S., Mustapha, N. F., Toklubok, P., & Sulong, W. M. W. (2018). Permasalahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Pengajian Tinggi: Problems of Arabic Writing Skills Among Higher Learning Education Students. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 5(2), 142-151.
- Sjahrony, A., Lubis, M. A., Baharudin, H., Kamis, M. S., & PERMATApintar, P. (2017). Kepentingan pembelajaran motivasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA dari perspektif sorotan kajian. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(2), 102-112.

Zunita, M. M., Harun, B., Maimun A. L., & Nurul K. L. (2016). Teaching and Learning Arabic

Vocabulary: From a Teacher's Experiences. *Creative Education*, 7, 482-490.